

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2
TAHUN 1985 (PAKAIAN MASA BEKERJA
DAN SEMASA MENGHADIRI
UPACARA-UPACARA RASMI BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI AWAM)**

ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM



ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM

Cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam berdasarkan :

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam)
2. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis)

Berikut adalah pakaian semasa bertugas di pejabat yang perlu dipatuhi oleh setiap penjawat awam :

1. PAKAIAN PENJAWAT AWAM LELAKI :

2. Bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan 1 Gred 27 ke atas :
 - Seluar panjang serta baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher. Lengan baju tidak boleh dilipat.
 - *Lounge Suite* atau *Bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai.
3. Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan 1 Gred 1-26 :
 - Seluar panjang beserta baju kemeja dengan warna yang sesuai; baju hendaklah dimasukkan ke dalam ; jika baju tersebut berlengan panjang ; tangan baju tidak boleh dilipat.
4. Pemakaian baju batik pada setiap hari Khamis (Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008).
5. Pakaian Baju Melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap dipakai pada hari Jumaat.
6. Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya,

FESYEN PAKAIAN ALTERNATIF PENJAWAT AWAM LELAKI

Fesyen pakaian alternatif bagi penjawat awam lelaki adalah seperti berikut :

| BIL | FESYEN | SYARAT |
|------------|--|--|
| 1 | Baju kemeja berlengan panjang:- a) Berkolar baju Melayu cekak musang berbutang tiga b) Berkolar baju Melayu cekak musang berbutang lima c) Berkolar Nehru berbutang terselindung d) Berkolar mandarin berbutang tiga | Berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck in). |
| 2 | Nehru suit:- a) Berbutang hadapan b) Berbutang terselindung | Diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai |

Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006



Gambar 1 : Longe suit atau Bush jacket



Gambar 2 : Berkemeja lengan panjang dan memakai tali leher



Gambar 3 : Seluar panjang dengan kemeja berlengan panjang



Gambar 4 : Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok

2. PAKAIAN PENJAWAT AWAM WANITA

Pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan dipakai selari dengan amalan akhlak yang mulia. Pakaian yang dibenarkan adalah Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa kerja seperti berikut :

1. Baju kurung
2. Baju kebaya labuh dan longgar
3. Sari yang tidak mendedahkan bahagian badan
4. Sut Punjabi lengkap berselendang
5. Kemeja berlengan panjang dan berskirt labuh
6. Kasut bertutup




Gambar 5: Baju kurung



Gambar 6 : Baju Kebaya



Gambar 7 : Kemeja berlengan panjang dan berskirt labuh



Gambar 8 : Sut Punjabi lengkap berselendang



Gambar 9 : Baju kurung

3. PAKAIAN SERAGAM (LELAKI DAN WANITA)

Pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam wajib memakainya semasa bekerja.



Gambar 10 : Pakaian Seragam Penguatkuasa



Gambar 11 : Pakaian Seragam Penguatkuasa



Gambar 12 : Pakaian Seragam Inspektor



Gambar 13 : Pakaian Seragam Inspektor



Gambar 14 : Pakaian Seragam Pemandu



Gambar 15 : Pakaian Seragam pekerja Awam

4. PAKAIAN BATIK (LELAKI DAN WANITA)

Pegawai–pegawai awam yang tidak berpakaian seragam diwajibkan memakai baju batik lengan panjang berkollar/ cekak musang buatan Malaysia pada setiap hari Khamis dan juga semasa menghadiri majlis-majlis rasmi yang tidak mensyaratkan pemakaian jenis pakaian tertentu. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008.** (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis).



Gambar 16 : Pakaian batik bagi wanita



Gambar 17 : Pakaian batik bagi lelaki

5. PAKAIAN LAIN (LELAKI DAN WANITA)

Pakaian-pakaian jenis lain termasuk jenis kasut, boleh dipakai oleh pegawai-pegawai awam semasa bekerja jika tugas-tugasnya memerlukan pakaian demikian (termasuk pakaian korporat) dan dibenarkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.



Gambar 18 : Pakaian Koperat bagi lelaki



Gambar 19 : Pakaian Blazer


6. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM LELAKI :

1. Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
2. Memakai t- Shirt, seluar pendek atau *jeans* pada waktu pejabat.
3. Memakai tali leher jika baju berlengan pendek kecuali uniform.
4. Memakai baju melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok dan sampin atau memakai kain pelekat).
5. Memakai baju yang melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan.
6. Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
7. Melipat lengan baju bagi kemeja berlengan panjang.

7. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM WANITA:


1. Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
2. Memakai t- Shirt, seluar pendek atau *jeans* pada waktu pejabat.
3. Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
4. Memakai barang hiasan yang berlebihan.
5. Berpakaian yang memberi sangkaan ianya seolah-olah hendak menghadiri pesta ataupun ke tempat perkelahan.
6. Memakai skirt pendek.
7. Pakaian yang menutup muka.
8. Memakai seluar *slacks* kecuali uniform.

♦ CONTOH TATACARA PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN



◆ CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Berambut panjang bagi penjawat awam lelaki
2. Mewarnakan rambut
3. Rambut yang tidak kemas



ETIKA BERPAKAIAN SEMASA BERTUGAS

| AMALKAN | ELAKKAN |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none">1. Etika berpakaian berpandukan pada Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 tahun 1985, Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006, dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008.2. Gaya berpakaian mengikut kesesuaian susuk badan dan bersopan.3. Berpakaian lengkap, berstokin, memakai tali pinggang, memasukkan baju ke dalam dan memakai tali leher bagi lelaki.4. Berpakaian kemas, bersih dan bergosok.5. Memakai kot / blazer bagi pegawai yang menghadiri mesyuarat di pejabat atau di kementerian atau di jabatan yang lain.6. Sentiasa memakai tanda nama sepanjang masa berkerja di pejabat atau semasa melakukan tugas-tugas rasmi.7. Memakai baju batik pada setiap hari Khamis.8. Memakai pakaian seragam bagi anggota yang diwajibkan memakainya semasa bertugas. | <ol style="list-style-type: none">1. Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat)2. Memakai stokin berwarna putih kecuali uniform.3. Memakai t- Shirt, seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.4. Memakai tali leher jika baju berlengan pendek kecuali uniform5. Memakai Baju Melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok dan samping atau memakai kain pelekat)6. Memakai baju yang melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan.7. Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.8. Melipat lengan baju bagi kemeja berlengan panjang.9. Memakai barang hiasan yang berlebihan.10. Memakai perhiasan seperti anting-anting, dan gelang bagi penjawat awam lelaki.11. Memakai pakaian yang koyak, lusuh atau kotor. |

RUJUKAN

- 1. PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1985**
- 2. PERKARA 6 PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993**
- 3. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2006**
- 4. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2008**